



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HJ. SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN “ONE OFF” KEPADA
PENGAYUH-PENGAYUH BECA BAGI PELAKSANAAN INISIATIF
MANFAAT LANGSUNG BELANJAWAN NEGERI MELAKA
TAHUN 2021
TARIKH: 28 FEBRUARI 2021 (AHAD), MASA: 11.30 PAGI
DI DEWAN KD HANG TUAH, HOTEL CASA DEL RIO, MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam

**MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA,
MENGAMIT DUNIA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis;

YB Datuk Hj. Mohd Jailani Bin Khamis,
Exco Pelancongan, Kebudayaan Dan Warisan Melaka;

YBhg. Datuk Hjh Salhah Binti Salleh,
Timbalan Setiausaha (Pembangunan),
Kerajaan Negeri Melaka;

YBhg. Datuk Zainal Bin Abu,
Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah;

YBrs. Encik Saari Bin Basiron,
Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan Melaka;

YBrs. Tuan ACP Afzanizar Ahmad,
Ketua Polis Daerah Melaka Tengah;

Seterusnya, Ketua-ketua Jabatan, para Pengusaha Beca Negeri Melaka, Rakan-rakan Media serta para hadirin yang saya hormati;

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana di atas limpah rahmat dan keizinan-Nya jua, meskipun kita masih berdepan dengan wabak COVID-19, namun, kita masih dapat bersama-sama pada hari ini, dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Majlis Penyampaian Sumbangan “**One-Off**” Kerajaan Negeri Melaka kepada Pengayuh-Pengayuh Beca.

2. Untuk makluman semua, pelaksanaan inisiatif kepada pengayuh-pengayuh beca Negeri Melaka pada hari ini merupakan **1 daripada lebih 40 touch point** manfaat langsung Belanjawan 2021 di bawah kategori insentif merancakkan sektor pelancongan.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

SEKTOR PELANCONGAN NEGERI MELAKA

3. Umum mengetahui, Negeri Melaka merupakan sebuah negeri pelancongan yang mana pada tahun

2019, Melaka telah menerima seramai **18.7 juta** orang pelancong, dengan jumlah pendapatan **(tourism receipt)** sebanyak **RM21.298 billion**.

4. Walau bagaimanapun, saya akui, pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang amat kritikal kepada semua sektor ekonomi di Melaka khususnya sektor pelancongan. Kehadiran pelancong telah **menurun melebihi 70%** di mana ia turut memberi impak kepada industri pelancongan secara keseluruhan.

5. Justeru, sektor pelancongan diberi keutamaan dalam pembentangan Belanjawan 2021 Negeri Melaka dengan pelbagai insentif untuk memulihkan sektor ekonomi sekali gus memacu semula pertumbuhan ekonomi negeri.

6. Antara insentif yang telah mula kita agihkan untuk merencanakan sektor pelancongan ialah memberi bantuan tunai secara sekali bayar (***One-Off***) kepada **163 orang pemandu pelancong, 141 pemandu bas pelancong** dan kepada **308 orang pengayuh beca Melaka**. Selain dari bayaran *One-Off*, kerajaan turut **mengecualikan bayaran lesen kepada semua**

pengayuh beca yang memperbaharui lesen tahun 2021.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

KEMPEN MELAKAN VISIT MELAKA

7. Pada 8 November 2020 yang lepas, kita telah melancarkan kempen **Orang Melaka Melawat Melaka (*Melakan Visit Melaka*)** bagi merencanakan lagi sektor pelancongan yang akan berakhir pada 28 Februari 2021 ini. Walau bagaimanapun, **Kempen**

Melakan Visit Melaka 3.0 akan bermula dari **8 Mac 2021 sehingga 31 Disember 2021.**

8. Kerajaan Negeri Melaka telah bekerjasama dengan produk-produk pelancongan serta premis penginapan untuk menawarkan diskaun dari **10% hingga 30%** sepanjang tempoh kempen tersebut dijalankan sehinggalah berakhir pada 28 Februari 2021.
9. Dalam masa 3 bulan sahaja, Alhamdulillah, kita telah menerima sambutan yang sangat memberangsangkan dan kempen ini telah berjaya

menyemarakkan semula industri pelancongan di Melaka. Saya percaya, pengayuh beca turut mendapat imbuhan sepanjang **Kempen Melakan Visit Melaka** dilaksanakan.

Saudara dan saudari sekalian,

PENGAYUH BECA MELAKA

10. Sejak tahun 2020 sehinggalah tahun ini, bukan sahaja kepada tuan-tuan dan puan-puan, yang terpaksa berdepan dengan kehidupan yang

mencabar, bahkan ia merupakan tahun yang amat mencabar bagi pucuk pimpinan kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat. Kita diuji dengan pelbagai dugaan, kita terpaksa berdepan dengan norma kehidupan baharu, pakai pelitup muka, guna *hand sanitizer* dan sentiasa jaga penjarakan sosial.

11. Sehubungan dengan itu, kerajaan sangat prihatin dan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bertujuan untuk mengurangkan bebanan rakyat, agar tiada rakyat yang tercicir. Dalam konteks ini, saya menyeru agar semua pengusaha sektor

pelancongan menggunakan inisiatif ini untuk memajukan diri.

12. Saya dimaklumkan, sebelum PKP, pengayuh beca boleh mendapat purata pendapatan mencecah **RM4 ribu sebulan** sehingga **RM6 ribu sebulan**. Inilah sebabnya semakin ramai telah berkecimpung dalam perniagaan mengayuh beca. Tahun **2000**, pengayuh beca Melaka **kurang dari 100 orang**. Manakala, tahun **2020**, jumlah pengayuh beca Melaka telah meningkat sehingga **melebihi 300 orang**.

13. Cumanya, sepanjang tempoh PKPB ini, pengayuh beca perlu *transform* kaedah untuk mencari rezeki kerana kita tidak menerima jumlah pelancong yang ramai. Mungkin... jika ada dalam kalangan pengayuh beca pada hari ini yang mempunyai kepakaran memasak, bolehlah menjadi usahawan kecil-kecilan.

14. Contohnya abang Ah Chai, pengayuh beca veteran, beliau mengambil langkah menjual keropok ikan dan udang. Abang Shah Bateri, mengambil langkah membantu orang-orang beca memperbaiki beca dan mencantikkan beca serta Abang Qaleff pula, menjual

nasi lemak dan kopi secara bergerak. Saya percaya banyak lagi ruang untuk kita mencari rezeki jika kita rajin berusaha.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

PENUTUP

15. Akhir kata, saya mahu semua pengayuh beca mendaftar program imunisasi di bawah MySejahtera untuk temu janji vaksinasi kelak. Para pengayuh beca khususnya, perlu diimunisasi kerana saudara

dan saudari akan bertemu dengan ramai pelancong. Hal ini sangat penting ya, demi membendung wabak COVID-19 ini terus menular.

16. Sama-samalah kita bekerja keras membendung penularan wabak ini, meningkatkan penjagaan kesihatan dan mendoakan pemulihan ekonomi negara dan negeri khususnya sekali gus merencanakan semula industri pelancongan negeri.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarokatuh. Sekian, terima kasih

